



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### SEMINAR AI DALAM INDUSTRI MUZIK BUKA MATA INDUSTRI KREATIF TERHADAP CABARAN ERA DIGITAL

---

**PETALING JAYA, 21 APRIL 2025** – Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) hari ini menganjurkan Seminar AI dalam Industri Muzik di Menara MyIPO, Petaling Jaya, sebagai salah satu acara pembuka tirai Sambutan Hari Harta Intelekt Negara (HHIN) 2025 yang berlangsung dari 21 hingga 25 April 2025. Sambutan ini diadakan bersempena dengan Hari Harta Intelekt Sedunia (*World IP Day*) yang diraikan setiap 26 April oleh negara-negara anggota Pertubuhan Harta Intelekt Dunia (WIPO).

Seminar ini memberi tumpuan kepada isu-isu semasa berkaitan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam penciptaan muzik serta cabaran dan peluang yang timbul terhadap perlindungan hak cipta. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MyIPO, Tuan Kamal Kormin.

Tahun ini, tema “Muzik Kita, Milik Kita” dipilih bagi memberi penekanan terhadap peranan hak harta intelek, khususnya hak cipta, dalam melindungi karya muzik tempatan dan mengiktiraf sumbangan penggiat seni dalam industri kreatif. Tema ini sejajar dengan tema World IP Day 2025 iaitu “*IP & Music: Feel the Beat of IP*”, yang mengangkat muzik sebagai satu bentuk ekspresi budaya yang bernilai dan perlu dilindungi daripada pelanggaran hak cipta.

Sepanjang seminar ini, para peserta didedahkan dengan pelbagai perspektif berkaitan AI dalam muzik melalui dua sesi utama. Encik Rosmin Hashim, Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), membuka sesi dengan topik “AI Dalam Muzik: Dari Pandangan Industri”, manakala Encik Ahmad Hafiz Zubir, pengamal undang-undang harta intelek, membentangkan topik “AI Dalam Muzik: Dari Pandangan Perundangan”, yang membincangkan keperluan penyesuaian kerangka undang-undang sedia ada dalam mendepani realiti baharu teknologi.

Selain seminar ini, sambutan HHIN 2025 turut dimeriahkan dengan pelbagai program menarik seperti Bengkel MyIPO Design Lab, Seminar Hak Cipta, serta Tayangan Podcast bersama industri penyiaran. Tidak ketinggalan juga acara interaktif seperti persembahan nyanyian dan muzik, pameran dan galeri yang menampilkan evolusi muzik tempatan, koleksi alat muzik tradisional dan moden.

Dengan pendekatan menyeluruh ini, MyIPO komited untuk terus memperkasa masyarakat terhadap isu-isu semasa berkaitan harta intelek, selari dengan aspirasi Malaysia menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan inovasi dan kreativiti.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Teknikal) MyIPO, Yusnieza Syarmila Yusoff dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor.

## **TAMAT**

---

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI  
Ketua Komunikasi Korporat  
T: 012-6725667  
E: [akhtar@myipo.gov.my](mailto:akhtar@myipo.gov.my)

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI  
Pengawai Komunikasi Korporat  
T: 011-19815143  
E: [emeliadiana@myipo.gov.my](mailto:emeliadiana@myipo.gov.my)

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,  
Menara MyIPO, PJ Sentral,  
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,  
46200 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 603 – 7496 8900  
Emel : [ipmalaysia@myipo.gov.my](mailto:ipmalaysia@myipo.gov.my)  
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

## **PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)**

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.